Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia

BERITA JMM JILID 27 ▪ JANUARI - APRIL 2019

BIL. 1/2019

MENARIK DI DALAM:

- Pelancaran Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium
- Semarak Muzium @ MSKOA
- Program Kembara Sejarah Pulau Labuan

Tinta Bicara

Rundingan kata jangan selisih
Muafakat jangan bercanggah
Tuah pada sekata
Berani pada seia
Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat

Ini merupakan suatu perbilangan adat yang menjelaskan akan bangsa Melayu. Terasnya adalah dari perkataan 'Malaju' yang memberi maksud laju iaitu cepat, deras dan tangkas. Perkataan tersebut menterjemahkan sifat Melayu itu sendiri dalam menzahirkan tingkahnya.

Muzium negara kini menjangkau usia 56 tahun penubuhannya. Usia tersebut adalah fasa kematangannya di era globalisasi kini merupakan institusi yang menawarkan pembelajaran tidak formal sebagai wadah mendekati masyarakat lantas menghidupkan fungsi dan peranannya.

Muzium itu sendiri bersifat holistik sebagai agensi yang menyimpan, memelihara dan memulihara khazanah warisan pelbagai etnik di Malaysia untuk dihayati dan dihargai oleh generasi masa depan. Muzium perlu bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Arkib Negara Malaysia, Istana Budaya, Jabatan Warisan Negara dan sebagainya dalam strategi meneguhkan dan memperkasa program permuziuman yang berteraskan pameran. Gerak kerja muzium perlu cepat, cekap dan amanah dalam mengembangkan dan menyalurkan keilmuan serta informasi sejajar dengan revolusi teknologi terkini.

Teknologi terkini perlu dikuasai dengan baik oleh kakitangan muzium khususnya. Perubahan dan perkembangan teknologi terkini juga sebagai penentu dalam perubahan gerak kerja kearah capaian keberhasilan yang lebih efektif. Media elektronik seperti portal Jabatan Muzium Malaysia perlu di tambah baik dalam menyalurkan informasi yang lebih tepat lagi sahih tentang aktiviti semasa permuziuman.

Kehilangan permata Jabatan Muzium Malaysia iaitu Allahyarham En. Azmi bin Ismail, Pengarah Muzium Negara pada 9 April 2019 amatlah dirasai. Jasa dan pengorbanan beliau terlalu tinggi, tidak ternilai dan perlu dihargai. Semoga beliau ditempatkan bersama orang-orang yang beriman. Amin.

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

EDITORIAL

PENASIHAT
Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR
Mohd Azmi bin Mohd Yusof

EDITOR
Mohd Razaimi bin Hamat
Mohd Harris Faizal bin Abdul Jalil

PENYELARAS
Nor Hasni binti Che Hassan
Mohd Hazilas bin Mat Hashim

FOTOGRAFI
Unit Sumber Media

EDARAN
Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255
Faks: (+603) 2282 6434
http://www.jmm.gov.my

DICETAK OLEH
Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali. Buletin ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
Pelancaran Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) pada 3 April 2019, Rabu bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.

Kandungan

JILID 27 / BIL.1/2019
JANUARI - APRIL 2019

04 Pelancaran Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)

06 Majlis Perasmian Pameran Alat-Alat Muzik Tradisional Malaysia di Galeri Muzik Jabatan Muzium Malaysia

07 Pameran Nostalgia anak kampung

08 Seminar Pemuliharaan Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja)

09 Program Semarak Muzium@Mskoa 2019 : " Citra Keaslian Mai Seraq "

10 Perjumpaan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Bersama Dengan Pegawai Dan Kakitangan Bahagian-bahagian Dan Muzium-Muzium JMM 2019

11 Bicara @ Muzium Melayu yang Hilang?
Menelusuri Melayu Champa di Vietnam dan Kemboja.

12 Bicara @ Muzium Repositori Khazanah Marin Negara:
Cabaran Dan Harapan

13 Bicara @ Muzium ARKEO ASTRONOMI KEDAH TUA – Ilmu Pelayaran Kedah Tua dan Bintang Sebagai Manifestasi Masyarakat Kedah Tua

16 Berita bergambar

18 Program sempena Tahun Baru Cina di Muzium Negara 2019

19 Program Kembara Sejarah Pulau Labuan 2019

20 Program Pakaian Istiadat Batik Sarong: Dari Istana Kepada Rakyat

21 Pameran Sejarah Lembah Bujang Sempena Program Seni dan Budaya : Menelusuri Sejarah Kuala Muda

22 Pendigitalan Koleksi Jabatan Muzium Malaysia di bawah Projek Asean Cultural Heritage Digital Archive (Achda) 2018

23 Pesata Budaya Dan Masakan Warisan Minangkabau

24 Memoir of Selangor Museum 1899-1945

25 Konservasi Pesawat AVON Sabre Tudm F-86

27 Karnival Sukan PUSPANITA MOTAC 2019

28 Kayuhan Team Gereq JMM Di Putrajaya

29 Senarai APC 2018

30 Puisi : Perpaduan Dicapai Satu Wawasan

31 Iklan Auditorium / Dataran

PELANCARAN PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

Oleh: Norhayati binti Che Othman, Bahagian Pameran dan Pengembangan

Jabatan Muzium Malaysia bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya melancarkan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) pada 3 April 2019, Rabu bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia bersama YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha mempromosi dan mengiktiraf peranan muzium secara formal dalam sistem pendidikan negara. Ini juga secara langsung dapat memanfaatkan sepenuhnya institusi permuziuman dan menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan insan yang harmonis serta seimbang daripada aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Program berbentuk pendidikan ini dapat membuktikan kesesuaian muzium yang berfungsi sebagai sebuah tempat rujukan bagi membantu para pendidik dan pelajar dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui penggunaan modul-modul permuziuman yang dirangka. Penerapan kaedah pembelajaran menerusi artifak atau koleksi muzium yang berteraskan konsep 'lihat dan percaya' atau *'seeing is believing'* menjadikan program ini sebagai nilai tambah terhadap konsep pembelajaran sedia ada di sekolah. Tambahan lagi pelaksanaan program ini juga memperlihatkan potensinya untuk memberi inspirasi kepada pelajar dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Sementelah ia juga boleh mewujudkan ruang dan peluang yang lebih luas dalam kalangan pelajar sebagai sumber penerokaan ilmu terhadap khazanah warisan negara, mencakupi bidang sejarah, budaya dan alam semulajadi yang sentiasa terbuka untuk dimanfaatkan.

Penglibatan murid dan guru dalam program ini secara langsung dapat meningkatkan minat pelajar khususnya terhadap mata pelajaran Sejarah kerana sesi PdP lebih menarik melalui pengalaman secara langsung dan *'in situ'* terhadap bahan sejarah. Tambahan pula konsep pembelajaran sepanjang hayat yang sering diuar-uarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat dizahirkan secara lebih jelas dalam melahirkan pelajar yang terbuka dan luas mindanya, menjangkaui di luar kotak kebiasaan. Natijahnya, ia dapat merangsang keterbukaan minda pelajar dalam setiap cabang ilmu yang dipelajari. Selaras dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang menitik beratkan usaha memupuk minat pelajar menghayati sejarah turut menguatkan konsep IPIM sebagai suatu program yang amat relevan yang perlu direalisasikan.

Pelaksanaan Program IPIM ini juga menyokong dasar Wajib Lulus Sejarah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2013. Selain itu mata pelajaran Sejarah dilihat sebagai pemacu ke arah persefahaman dan penerimaan terhadap teras kenegaraan yang dapat melahirkan dan membentuk jati diri rakyat yang patriotik, taat setia dan cinta terhadap negara. Penggunaan muzium sebagai salah satu kaedah pembelajaran secara tidak langsung dapat mengatasi masalah kebergantungan kepada modul buku dan masalah kebosanan memandangkan muzium dapat memberikan pengalaman baharu melalui himpunan koleksi yang menarik dan unik di samping muzium yang menerapkan kaedah pendidikan secara didik hibur yang mampu memberikan kelainan untuk mengasuh minat murid terhadap sejarah negara.

Program IPIM ini menekankan lima tahap dalam pelaksanaannya yang merangkumi:

- Taklimat
- Sesi Pengajaran dan Pembelajaran
- Lawatan Berpandu
- Aktiviti Pengukuhan dan
- Refleksi

Sehingga kini program ini mendapat penyertaan daripada 43 buah muzium yang terdiri daripada muzium-muzium persekutuan, muzium-muzium negeri

dan juga muzium institusi di Malaysia yang berfungsi melalui sistem portal yang telah dibangunkan khusus bagi melancarkan aktivitinya secara jitu. Penyertaan ke atas program ini akan diperluaskan ke muzium-muzium yang terdapat di seluruh Malaysia secara menyeluruh dalam menyerlahkan peranan dan fungsi muzium masing-masing.

Pelaksanaan program ini dilihat berupaya memperkukuhkan matlamat PPPM menerusi kerjasama JMM dan KPM dengan menggunakan modul-modul permuziuman yang dirangka. Di samping itu, program ini juga dapat memperlihatkan secara jelas peranan muzium sebagai sokongan kepada KPM dalam mencapai objektif mewujudkan modal insan daripada pelbagai kaum yang memahami sejarah bangsa dan negara serta melahirkan bangsa yang berdaya saing serta berprestasi tinggi ke arah mewujudkan persekitaran yang harmoni.

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN ALAT-ALAT MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA DI GALERI MUZIK JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Prema a/p Vijayan, Muzium muzik

Seramai 300 orang jemputan telah hadir ke majlis perasmian pembukaan pameran Alat-alat Muzik Tradisional Malaysia yang telah diadakan pada 11 April 2019 bertempat di Galeri Muzik, Jabatan Muzium Malaysia. Jemputan terdiri dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, penggiat seni, persatuan muzik, sekolah seni dan pensyarah-pensyarah muzik dari institusi awam dan swasta. Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Pameran ini merupakan salah satu program utama Jabatan Muzium Malaysia bagi tahun 2019 yang mempamerkan koleksi alat-alat muzik tradisional pelbagai kaum dan etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pameran ini merupakan usaha JMM untuk memelihara dan mendokumentasikan warisan dan sejarah muzik serta kebudayaan negara. Pameran ini merangkumi beberapa segmen iaitu klasifikasi alat-alat muzik, seni dan persembahan muzik Mak Yong, koleksi Muzik Masyarakat Melayu, Cina, India, Orang Asli, Ensembel Nobat Diraja, Ensembel Gamelan Melayu, koleksi alat muzik masyarakat Sabah dan Sarawak.

Ucapan perasmian disampaikan oleh YB Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia

Ucapan aluan oleh YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

YB Menteri menandatangani buku pelawat diaksikan oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah, JMM dan Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof

Persembahan Wind Orksestra oleh pelajar Sekolah Seri Puteri Cyberjaya, Selangor

Antara tetamu yang hadir di majlis perasmian Pameran Alat-Alat Muzik Tradisional Malaysia

Pameran telah dirasmikan oleh YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

YB Menteri meniup tetuang sebagai gimik perasmian

Sesi penerangan dan taklimat oleh Cik Rohana Husin kepada YB Menteri

Pandangan atas Pameran Nostalgia Anak Kampung

PAMERAN NOSTALGIA ANAK KAMPUNG

Oleh : Muhammad Azam bin Adnan, Muzium Negara

Basikal lama yang diletakkan di ruang hadapan pameran

Sebahagian kartun Nostalgia Anak Kampung hasil karya kartunis Ar. Ahmad Hilmy Abdullah @ Mie



Poster Pameran Nostalgia Anak kampung

Radio dan gramaphone

Acuan kuih putu dan kukuran

Bersempena dengan program tahunan Nostalgia Anak Kampung 2018, pihak Muzium Negara telah mengadakan pameran Nostalgia Anak Kampung yang bertempat di Dewan Tengah Muzium Negara. Pameran ini telah bermula pada 10 Disember 2018 sehingga 10 Januari 2019. Terdapat dua jenis pameran Nostalgia Anak Kampung yang berlangsung iaitu pameran lukisan kartun nostalgia anak kampung oleh arkitek dan kartunis Ahmad Hilmy Abdullah atau dikenali sebagai Mie dan pameran koleksi-koleksi Jabatan Muzium Malaysia yang berkaitan dengan anak kampung.

Tujuan utama pameran ini diadakan adalah untuk mengimbau kembali nostalgia kehidupan sebagai anak kampung serta imbauan keharmonian kehidupan bangsa Malaysia yang majmuk pada tahun 1960-an sehingga 1980-an. Sesebuah kampung yang rata-rata penduduknya terlibat dengan aktiviti perikanan, pertanian dan perladangan mencetus pelbagai kenangan dan meninggalkan seribu satu pengajaran berguna kepada anak kampung dalam meneruskan kehidupan pada zaman dan landskap yang berbeza.

Tambahan, pameran kartun ini memaparkan suasana gaya hidup masyarakat kampung terdahulu sebagai satu persekitaran yang menyeronokkan dan kondusif untuk perkembangan kanak-kanak yang sihat dan bijak. Suasana kampung juga banyak mencerminkan identiti dan jati diri masyarakat Malaysia terutama sosio budaya masyarakat kaum Melayu yang amat tinggi nilai budayanya.

Pameran Nostalgia Anak Kampung ini turut mengetengahkan hampir 60 koleksi Jabatan Muzium Malaysia yang melibatkan koleksi-koleksi yang berkaitan kehidupan anak kampung dan masyarakat Malaysia pada tahun 1960-an sehingga 1980-an. Antara koleksi yang dipamerkan ialah radio lama, gramophone, perkakasan dapur dan bekas makanan masyarakat kampung, bubu, serkap dan kukuran.

Ruang permainan tradisional seperti congkak, dam aji dan ceper juga disediakan di kawasan pameran agar pengunjung dapat mencuba permainan tradisional ini disamping mengimbau kembali kenangan nostalgia anak kampung melalui pameran ini.

Bubu dan serkap yang digunakan untuk menangkap ikan

Pelbagai permainan tradisional seperti serak lidi, dam aji, ceper dan permainan tikam

SEMINAR PEMULIHARAAN ISTANA LAMA SERI MENANTI (MUZIUM DIRAJA)

Oleh : Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi

Seminar Pemuliharaan Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja) telah diadakan pada 18 April 2019 di Seri Menanti Resort, Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seminar ini adalah usaha sama di antara Jabatan Muzium Malaysia, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Persatuan Muzium Malaysia dan Persatuan Warisan Kita. Majlis perasmian seminar telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohamad Nazaruddin bin Sabtu, Pengerusi Jawatan Kuasa Bertindak Kesenian, Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu. Yang Amat Mulia Tunku Ali Redhauddin Ibni Tunku Muhriz, Tengku Besar Seri Menanti telah sudi mencemar duli memukul gong gimik perasmian seminar dengan diiringi Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Drs Samsudin bin Ahmad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Pelbagai latar belakang para pembentang dan moderator menjadikan seminar ini amat dinanti-nantikan oleh peserta. Antara para pembentang ialah Prof. Madya Dr. Raja Nafida binti Raja Shahminan (Seni Bina Bangunan Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja), Prof. Madya Amran bin Abdul Rahman (Skop Kerja, Laporan Dilapidasi dan Kaedah Serta Teknik Pemuliharaan), Tuan Haji Kamarudin bin Md Said (Penyediaan Kajian Dilapidasi Projek Konservasi Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja), Tuan Haji Shaari bin Mat Saod (Kerja-kerja Konservasi Projek Pemuliharaan dan Naiktaraf Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja), Sr. Japri bin Yeob (Penyediaan Bagi Pengemukaan Tender Reka & Bina dan Dokumen Kontrak Untuk Kerja-Kerja Pemuliharaan Muzium Istana Lama Seri Menanti), Prof. Dr. Zakiah binti Ahmad (Kerja-Kerja Struktur Projek Pemuliharaan dan Naiktaraf Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja), Encik Azzaha bin Ibrahim (Kerja-Kerja Penggantian Kayu Tiang Seri Bagi Projek Pemuliharaan dan Naiktaraf Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja) dan LAR. Dr. Noor Hayati bin Ismail (Senibina Lanskap Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja) manakala barisan moderator terdiri daripada YBhg. Tan Sri Prof Dr. Wira Abdul Latiff bin Abu Bakar (Pensyarah Universiti Islam Malaysia), YBhg. Prof Madya Dr. Haji Muhammad Pauzi bin Abdul Latif (Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa) dan Ar. Ahmad Najib bin Ariffin (Pengarah/ Ketua Penyelidik Nusantara Academy (NADGE).

Seminar Pemuliharaan Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja) merupakan seminar kedua yang dijalankan hasil usaha sama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara muzium di peringkat persekutuan dengan muzium di peringkat negeri dalam usaha untuk menjadikan bidang permuziuman sebagai antara bidang utama yang menyalurkan ilmu pengetahuan disamping menarik minat masyarakat agar sentiasa datang ke muzium. Seminar ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, pelajar institusi awam dan swasta, penyelidik bebas dan ramai lagi dengan anggaran peserta mencecah 140 orang.

Seminar Pemuliharaan Istana Lama Seri Menanti (Muzium Diraja) merupakan seminar perkongsian kepakaran berkaitan konservasi tiang seri Istana Lama Seri Menanti yang membincangkan usaha-usaha yang dijalankan bagi memanjangkan lagi jangka hayat bangunan Istana Lama Seri Menanti yang telah berusia hampir 100 tahun dan mampu bertahan sekurang-kurangnya untuk 100 tahun lagi. Kerja-kerja konservasi tiang seri bermula pada 25 November 2016 hingga 25 Mei 2018 namun terpaksa dilanjutkan sehingga 25 April 2019 atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Ia merupakan kerja konservasi yang melibatkan struktur bangunan terutamanya tiang seri sebanyak empat batang dalam usaha memulihara, mengekal dan memelihara struktur asal yang telah mengalami kerosakkan atau kemusnahan serta melengahkan, melambatkan, menghalang atau menghentikan proses kemusnahan terhadap struktur dan seboleh-bolehnya mengekalkan struktur asal supaya ciri-ciri dan bentuk asal dapat dikekalkan semasa kerja-kerja pemulihan dan restorasi struktur dilaksanakan. Kerja-kerja konservasi yang dilakukan oleh pihak kontraktor ini telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book Of Recods* sebagai kerja Konservasi Tiang Seri Paling Tinggi Di Malaysia.

Istana Lama Seri Menanti mula dibina pada tahun 1902 dan siap pada tahun 1908 dengan tidak menggunakan sebarang paku. Ditengah-tengah bangunan istana ini didirikan menara yang dinamakan “Tingkat Gunung”, struktur atau bumbungnya menggunakan kayu cengal yang berbentuk “Lipatan Gunting”. Kegunaan ruangnya pula ditingkat pertama menempatkan “Balai Rong Seri” untuk upacara mengadap. Bilik beradu keluarga kerabat diraja terletak di tingkat dua, sementara di tingkat tiga dikhaskan untuk Yang Dipertuan Besar dan menara “Tingkat Gunung” pula menempatkan khazanah Diraja. Semoga dengan pengkongsian ilmu ini dapat memberikan manfaat kepada semua yang hadir dalam usaha menerapkan nilai dan kecintaan terhadap warisan khazanah khususnya kepada generasi muda akan kesedaran tentang kepentingan menjaga khazanah warisan agar tinggalan sejarah dan budaya negara kekal terpelihara dan dihargai serta menjadi sumber rujukan di masa hadapan.

PROGRAM SEMARAK MUZIUM@MSKOA 2019: " Citra Keaslian Mai Seraq "

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Muzium Seni Kraf Orang Asli

Gambar kenangan para peserta Program Semarak Muzium@MSKOA 2019 bersama YBrs. Cik Saraya binti Arbi (enam: dari kiri), YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim(tujuh: dari kiri), YBrs. En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof(empat: dari kiri) dan En. Asmawi bin Mohamed Yunos(lima: dari kiri)

Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) buat kali ketiganya meneruskan penganjuran PROGRAM SEMARAK MUZIUM@MSKOA 2019 dengan membawakan tema "Citra Keaslian Mai Seraq". Program ini juga adalah satu program khusus yang telah dirancang oleh MSKOA bagi tahun ini dan ianya telah dimasukkan dalam Kalendar Acara Tahunan 2019 Jabatan Muzium Malaysia.

Program Semarak Muzium ini telah diadakan pada 23 – 24 Mac 2019 (Sabtu dan Ahad) bermula jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang, di Laman Istana 1, Muzium Negara. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia dan YBrs. En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia pada hari ke 2 program ini berlangsung iaitu pada 24 Mac 2019 (Ahad) bermula jam 11.00 pagi – 12.15 tengahari.

Program ini telah dipromosi secara langsung selama 30 minit di Stesen Radio Asyik FM pada 21 Mac 2019 (Khamis). Promosi program ini juga telah dibuat dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia di saluran TV1 (RTM) yang bersiaran secara langsung pada 24 Mac 2019 (Ahad) di dalam studio RTM, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Program Semarak Muzium@MSKOA 2019 pada tahun yang ke 3 ini terus mendapat sambutan yang amat menggalakan dan ianya telah berjaya mencatat kehadiran para pengunjung seramai 23, 911 orang sepanjang 2 hari berlangsung. Kehadiran para pelawat pada hari pertama (Sabtu) adalah seramai 10, 424 orang, manakala jumlah kehadiran pada hari kedua (Ahad) adalah seramai 13, 487 orang. Para pengunjung yang hadir ke program ini terdiri daripada pelawat tempatan dan luar negara, pegawai dan kakitangan JMM, siswa dan siswi dari kolej dan universiti, Aktivis dan NGO Orang Asli, orang perseorangan yang berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli serta Masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Objektif utama Program Semarak Muzium ini ialah:

- Memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keunikan Masyarakat Orang Asli dan warisan keseniannya dan
- Mendokumentasikan setiap maklumat berkaitan Masyarakat Orang Asli untuk simpanan dan rujukan pada masa - masa akan datang.

Program Semarak Muzium@MSKOA 2019 ini dimeriahkan dengan aktiviti – aktiviti seperti berikut :

- Persembahan Kebudayaan Orang Asli
- (Suku Kaum Semai Perak dan Pahang)
- Dari Dapur Orang Asli.
- Kaedah Nyalaan Api Secara Tradisional.
- Anyaman Perhiasan Diri dan Pakaian Tradisional.
- Pembuatan Bubu Orang Asli.
- Permainan Tradisional Orang Asli.
- Ukiran Tangan Emas Orang Asli.
- Ikon Semarak Muzium.
- Aktiviti Menyumpit.
- Jualan Herba dan Kraftangan Orang Asli.
- Pertandingan Sumpitan Tepat dan Permainan Tradisional Orang Asli.

Melalui program ini, pelbagai faedah dapat diperolehi oleh jabatan, terutamanya memperkukuhkan jaringan kerjasama yang sedia ada dan mempereratkan lagi jalinan tersebut dengan semua pihak yang terlibat. Dengan adanya program seperti ini perkongsian ilmu dan kepakaran dapat dipertingkatkan serta jumlah pengunjung juga akan turut bertambah. Program ini juga menjadi nilai tambah kepada fungsi dan peranan muzium itu sendiri. Melalui program seperti ini dapat menanam minat kepada semua masyarakat untuk sentiasa mengunjungi muzium dan menjadikan muzium sentiasa dihati mereka sebagai gedung ilmu pengetahuan. Program sebegini juga membolehkan Muzium Seni Kraf Orang Asli khususnya dan JMM khasnya mendokumentasikan maklumat-maklumat penting berkaitan masyarakat orang asli.

PERJUMPAAN KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA BERSAMA DENGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DAN MUZIUM-MUZIUM JMM 2019

Oleh : Maisaraf Binti Marman, Kurator (Pegawai Khas),Pejabat Ketua Pengarah

YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah merancang beberapa perancangan Pelan Jangkamasa Panjang yang lebih efektif untuk bersesuaian dengan pembangunan sistem MUSECORE yang sedang dijalankan di JMM sejak tahun 2015. Oleh itu, beberapa perjumpaan telah diaturkan di antara Ketua Pengarah JMM dengan bahagian-bahagian utama di JMM bagi melihat keberkesanan sistem yang diguna pakai sedia ada dan cadangan-cadangan penambahbaikan di masa akan datang untuk disesuaikan dengan keseimbangan keperluan peruntukan perbelanjaan serta aset-aset jabatan.

Sebanyak enam (6) bahagian telah berjaya diaturkan bagi sesi perjumpaan ini iaitu:

1. Bahagian Pameran dan Pengembangan
2. Bahagian Pengurusan Koleksi
3. Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi
4. Bahagian Pengurusan Konservasi
5. Bahagian Komunikasi Korporat
6. Bahagian Dasar & Pembangunan

Tujuan perjumpaan tersebut telah menyentuh beberapa perkara seperti berikut :

- Visi, misi dan fungsi Jabatan berjalan dengan sempurna.
- Kebersamaan dan kesepaduan dalam bekerja.
- Pemantauan persekitaran kerja.
- Pemantapan carta organisasi bahagian.
- Pembahagian dan penyelarasan tugasan.
- Pembangunan modal insan.
- Isu, permasalahan dan cabaran yang dihadapi di bahagian-bahagian serta cadangan penyelesaian.
- Keberkesanan sistem fail dan cadangan penambahbaikan.
- Kapasiti penstoran dan ruang lingkup kerja.
- Penekanan terhadap kerja-kerja *"housekeeping"* dan mengemaskini dokumen/maklumat.

Selain itu, YBhg. Datuk KP JMM turut menekankan mengenai *"Big Data"*. Ia mengambil kira hasil Laporan Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri bersama-sama Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan pada 23-25 November 2018 di *Langkawi International Convention Centre* (LICC) yang lalu. YBhg. Datuk Ketua Pengarah JMM menekankan kepada pegawai-pegawai kanan segera menguasai aplikasi teknologi terkini agar memudahkan segala urusan transaksi dan bagi mendapatkan maklumat.

Perjumpaan ini akan diadakan lagi pada enam (6) bulan akan datang selepas bahagian terakhir dilawati. Ini untuk memastikan ada peningkatan, perubahan dan status penambahbaikan yang telah dilakukan hasil teguran dan pengemaskinian maklumat.



Melayu yang Hilang?

Menelusuri Melayu Champa di Vietnam dan Kemboja.

Nik Mazielia Idura bInti Nik Mohamed, Muzium Etnologi Dunia Melayu

Bicara@Muzium pada kali ini membincangkan tentang sisi Melayu Champa dari segi sejarah awal, sosiobudaya dan kesusasteraan serta perkaitannya dengan Alam Melayu khususnya Melayu di Nusantara. Antara objektif utama program ini adalah untuk berkongsi informasi berkaitan Dunia Melayu kepada masyarakat disamping mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya dengan para akademik dan ilmuwan.

Program ini juga merupakan satu bentuk pendokumentasian dan pemeliharaan warisan sejarah Bangsa Melayu yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan seterusnya menjadikan muzium sebagai gedung ilmu kepada masyarakat di luar sana dalam menambahkan ilmu pengetahuan mereka.

Program ini telah diadakan pada 20 Mac 2019, bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Penceramah jemputan terdiri daripada Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia), Prof. Dr. Mohamad Zain Musa (Mantan Penasihat Royal Academy Cambodia) dan Prof. Madya Dr Asyaari Muhamad (Universiti Kebangsaan Malaysia). Penyertaan peserta amat menggalakkan dan dianggarkan hampir 320 orang peserta melibatkan pelajar sekolah, mahasiswa/mahasiswi IPTA/IPTS, badan kerajaan dan orang persendirian yang turut serta pada program kali ini.

Perbincangan mengenai sejarah Melayu Champa di Vietnam dan Kemboja membuktikan bahawa sesuatu tamadun mampu hilang.Namun, melalui tinggalan candi-candi dan prasasti menjadi simbol kebanggaan bahawa Bangsa Melayu telah mencapai satu tahap ketamadunan yang tinggi satu ketika dahulu. Kerajaan Champa paling awal dikatakan ditubuhkan sekitar tahun 192 Masihi dan mencapai puncak zaman kegemilangannya pada abad ke 7 hingga ke 10. Pada ketika itu, kerajaan Champa mengawal dan memonopoli perdagangan rempah ratus dan sutera antara China, Kepulauan Melayu, India serta Empayar Islam Abbasiyah di Timur Tengah. Namun, kerajaan ini mulai lemah apabila muncul entiti politik asing di sekitarnya. Champa pernah menghadapi serangan Khmer dan Srivijaya namun musuh politik paling hebat memberi tentangan buat Champa ialah kerajaan Annam yang muncul di utara Vietnam dan Selatan China yang membawa ke zaman kejatuhannya.

Perkongsian Bicara@Muzium pada kali ini membuka ruang fikir peserta untuk mengenal dengan lebih mendalam susur galur bangsa Melayu dan memahami rumpun Melayu yang terdapat di serata dunia selain menggamit kebenaran serta membuktikan kehebatan bangsa ini berdiri di atas kakinya dalam menyelusuri dan mencipta sejarah bangsanya.

BICARA@MUZIUM REPOSITORI KHAZANAH MARIN NEGARA: CABARAN DAN HARAPAN

Norshidah binti Mohd Mastura, Muzium Alam Semula Jadi

Program Bicara@Muzium merupakan salah satu platform terbaik kepada para kurator, para akademik, ahli profesional muzium, penyelidik serta aktivis untuk berkongsi pengetahuan serta pengalaman mereka khususnya dalam bidang pengurusan koleksi alam semula jadi. Selain daripada perkongsian ilmu, program ini juga merupakan salah satu cara untuk mempromosi muzium dan menarik orang ramai untuk berkunjung ke muzium. Selain itu, program Bicara@Muzium ini juga dapat mewujudkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak serta mendekatkan muzium dengan masyarakat terutama para akademik, pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta orang perseorangan.

Bagi menjayakan program ini, Muzium Alam Semula Jadi telah menjemput Ketua Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu iaitu Dr. Izwandy bin Idris untuk memberikan ceramah yang bertajuk 'Repositori Khazanah Marin Negara: Cabaran dan Harapan. Beliau merupakan pemegang *Bachelor of Applied Science* (Akuatik Biologi) dari Universiti Sains Malaysia (USM) *Master of Science* (Akuatik Biologi) Universiti Sains Malaysia serta melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang *Aquatic Diversity, Biology & Ecology* dari Universiti Putra Malaysia dan berkhidmat di Universiti Malaysia Terengganu sejak Mac 2015 sehingga kini.

Beliau telah dipilih dalam program bicara@muzium kerana kewibawaan beliau dalam menggalas tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang sebagai ketua pusat rujukan dan Repositori Laut China Selatan. Beliau juga merupakan penyelidik yang pernah mengikuti pelbagai ekspedisi dan yang paling membanggakan beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam penyelidikan Muzium Victoria, Australia dan mendapat liputan meluas daripada *National Geographic.* Turut dijemput Timbalan Pengarah Muzium Alam Semula Jadi, En. Mohd Khairill bin Jemangin selaku moderator program bicara ini.

Menurut penceramah, Malaysia merupakan salah sebuah negara maritim. Semua negeri di dalam persekutuan mempunyai pesisir pantai dan keluasannya menjangkau sehingga ke sempadan Zon Ekonomi Eksklusif. Kepelbagaian biologi di bawah negara diiktiraf sebagai antara yang tertinggi di dunia, namun bukti fizikal iaitu organisma marin yang disimpan di Malaysia tidak sepadan dengan pengiktirafan yang diberikan. Penceramah juga menyatakan khazanah marin Malaysia telah lama dikaji oleh penyelidik asing dan hasil kajian telah disimpan di pelbagai muzium dan pusat repositori di seluruh dunia. Kesannya, banyak maklumat dan kekayaan dari sumber marin ini tidak dinikmati oleh rakyat tempatan. Bagi memastikan isu ini tidak berulang, Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan, Universiti Malaysia Terengganu sedang berusaha untuk menyimpan serta merekod sebanyak mungkin organisma serta sumber marin Malaysia untuk keperluan di masa akan datang.

Program ini berlangsung pada 9 April 2019 (Selasa) bertempat di Bilik Menunggu Raja-Raja, Muzium Diraja bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Seramai 70 orang jemputan yang hadir kebanyakannya dari agensi-agensi kerajaan seperti Muzium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MMBPJ), Institut Maritim Malaysia (MIMA), Jabatan Pertanian Kuala Lumpur, Perbadanan Muzium Melaka, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Sekolah SK Jalan Bellamy, SK Brickfields 1, wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan Muzium Malaysia. Selain daripada itu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan APIM International Academy Malaysia turut hadir berkongsi ilmu pandangan serta cadangan bermanfaat di dalam program ini.

Adalah diharapkan dengan adanya program perkongsian seperti ini, selain usaha Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan untuk penyimpanan dan rekod, Muzium Alam Semula Jadi perlu diwujudkan di Malaysia supaya muzium juga boleh menyimpan segala bukti saintifik hasil kajian penyelidikan ahli-ahli taksonomi pelbagai bidang alam semula jadi untuk dijadikan rujukan dan kebanggaan rakyat tentang khazanah negara.

Koleksi spesimen marin Muzium Alam Semula Jadi terdiri daripada awetan basah dan awetan kering turut dipamerkan kepada peserta program Bicara@Muzium.

Penceramah Dr Izwandy bin Idris bersama moderator Encik Mohd Khairill bin Jemangin, Timbalan Pengarah Muzium Alam Semula Jadi.

Para jemputan yang hadir terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta serta orang perseorangan.

Perkongsian ilmu tentang repositori khazanah marin negara oleh Dr Izwandy bin Idris, penceramah yang dijemput bagi program Bicara@Muzium pada kali ini.

PROGRAM BICARA @ MUZIUM :

ARKEO ASTRONOMI KEDAH TUA

ILMU PELAYARAN KEDAH TUA DAN BINTANG SEBAGAI MANIFESTASI MASYARAKAT KEDAH TUA

Oleh : Nurul Azlida binti Ghozali, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Pada 27 Mac 2019, Muzium Arkeologi Lembah Bujang sekali lagi mengadakan Program Bicara @ Muzium dengan tajuk Arkeo Astronomi Kedah Tua. Pembentang yang dijemput adalah Encik Nor Azam bin Mat Nor, Penyelidik Astronomi bebas dengan tajuk 'Ilmu Pelayaran Kedah Tua' dan Cik Nurul Fatini binti Jaafar dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dengan tajuk 'Bintang Sebagai Manifestasi Masyarakat Kedah Tua'. Tujuan program diadakan adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang kegemilangan masyarakat Kedah Tua dalam bidang pelayaran dan juga kepentingan bintang dalam kebudayaan masyarakat di Kedah Tua. Seramai 100 orang tetamu dan peserta yang terdiri dari pelbagai agensi seperti UiTM Kedah, Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Perak, Tourism Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains Kedah, UNISHAMS, IPGAH dan orang perseorangan telah menghadiri program bersejarah ini.

Menurut, Encik Nor Azam bin Mat Noor, ilmu pelayaran atau maritim merupakan ilmu yang telah sebati dengan masyarakat Melayu yang tinggal di tepi laut dan di tebing sungai. Mungkin ramai yang tidak mengetahui ilmu pelayaran dan pembuatan perahu sebenarnya telah dikuasai oleh orang Melayu sejak zaman pra sejarah lagi. Pergantungan hidup kepada sungai dan laut menjadikan mereka sebagai pelayar, nelayan, pembuat perahu yang mahir malahan pelaut yang berani dan pedagang yang cekap. Kehebatan orang Melayu terserlah dalam ilmu astronomi dan dikatakan mereka tidak menggunakan kompas dan peta dalam pelayaran sebaliknya bergantung kepada alam sekeliling dengan melihat warna air laut, hidupan laut dan bintang pada waktu malam dan mereka boleh mengandaikan telah sampai di sesuatu lokasi. Mereka juga telah mencipta perahu kembar yang tirus bagi kestabilan meredah ombak dan mengharungi angin kencang. Mereka juga telah mencipta palang layar yang seimbang yang mana kelihatan seperti anak panah yang tumpul dan diacu kehadapan. Kain-kain layar banyak diikat pada tiang-tiang layar bagi membolehkannya berlayar di atas air. Dengan itu, angin mampu menolak perahu tersebut ke hadapan.

Penemuan kapal pertama di Lembah Bujang telah dikenalpasti pada tahun 2011 apabila sisa tiang kayunya ditemui berhampiran runtuhan dermaga. Tiang itu adalah sepanjang dua meter, terbaring melintang tetapi masih dalam keadaan yang baik. Pada tahun 2012, pasukan arkeologi USM telah membuat carigali di kawasan tersebut tetapi lubang tersebut kini telah runtuh dan dipenuhi air. Walau bagaimanapun ahli arkeologi masih boleh menyelam ke bawah untuk melihat keadaan tiang kapal. Pada tahun 2015, imej satelit menunjukkan sebuah kapal tenggelam di kawasan Sungai Batu di

Lembah Bujang. Bangkai itu dikesan oleh radar yang menembusi tanah dan membolehkan ahli arkeologi USM mendedahkan kemungkinan ada lima lagi buah kapal yang tertanam antara 5 hingga 10 meter jauh ke dasar sungai sekitar tapak penggalian. Bangkai kapal itu terbenam dalam lumpur di kawasan ladang kelapa sawit dengan puncak tiang masih kelihatan. Adalah dipercayai bahawa kapal-kapal yang dijumpai ini berkemungkinan berasal dari India ataupun mungkin kapal buatan orang Melayu yang menaikkan sauh di muara Sungai Merbok sebelum memunggah kargo ke bot-bot kecil untuk pengangkutan seterusnya ke penghujung kawasan perlabuhan di Lembah Bujang

Bagi kajian yang dibuat saudari Nurul Fatini binti Jaafar kewujudan Bintang Tujuh, Bintang Pari dan Bintang Biduk dalam pengetahuan masyarakat Kedah menunjukkan bahawa Kedah mempunyai pertalian yang rapat dengan kehidupan di kawasan persisiran pantai, laut dan pulau-pulau. Boleh disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kumpulan kebudayaan dalam masyarakat Kedah Tua dan setiap satu kumpulan ini mempunyai adaptasi kepada sistem ekologi tempatan yang unik, yang mana membentuk pandangan alam dan aktiviti ekonomi yang tersendiri, dan yang mana sebahagian daripada sistem ilmu kebudayaan mereka telah dimanifestasi terhadap nama atau rupa bintang. Pengetahuan tentang kumpulan-kumpulan bintang boleh dikatakan adalah peninggalan kebudayaan lampau (*cultural remnants*) yang boleh dijadikan justifikasi tentang asal kependudukan orang Melayu di rantau ini.

Secara keseluruhan program Bicara @ Muzium : Arkeo Astronomi Kedah Tua ini telah berjaya menarik minat ramai pengkaji dan pencinta sejarah berdasarkan maklumbalas yang diterima dari peserta yang hadir terutama dalam memahami perkaitan antara bidang arkeo astronomi dalam kebudayaan masyarakat Kedah lampau. Program berakhir dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah dan sijil penyertaan kepada semua peserta program.

KENALI MUZIUM : LANSKAP MUZIUM DIRAJA MENERUSI TERRARIUM

Oleh : Ashawati binti Md Akhir, Muzium Diraja

Bengkel Kenali Muzium adalah salah satu usaha pihak Muzium Diraja untuk memperkenalkan dan mengetengahkan peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal. Pembelajaran berkonsepkan *edutainment* dan *hands on* mampu menarik minat pelajar kerana ianya tidak dapat diperolehi melalui buku dan pembelajaran dalam kelas.

Program Kenali Muzium kali ini, memberi peluang kepada pelajar menginterpretasikan seni kreativiti mereka berkenaan lanskap Muzium Diraja melalui terrarium. Terrarium ialah medium atau bekas yang diperbuat daripada kaca, plastik atau bahan lutsinar lain, yang berisi tanaman. Selain itu, istilah terrarium juga boleh ditafsir sebagai taman mini yang menggambarkan ekosistem gurun, padang pasir, hutan hujan tropika atau laman Jepan, Inggeris dan Cina, dalam medium kaca.

Program dimulakan dengan sesi ceramah berkenaan pengenalan kepada bidang permuziuman, pengenalan kepada Muzium Diraja dan muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia dan sesi lawatan berpandu ke galeri. Sesi pengenalan ini membolehkan pelajar mengetahui dan memahami fungsi dan peranan muzium itu sendiri. Program diteruskan dengan aktiviti *hands-on* iaitu menghasilkan taman mini terrarium berinspirasikan lanskap Muzium Draja. Program diakhiri dengan sesi rumusan dan refleksi daripada para pelajar mengenai keseluruhan program yang dianjurkan. Seramai 29 orang pelajar beserta 5 orang guru dari Sekolah Kebangsaan Jalan Bellamy dan Sekolah Kebangsaan Taman Prima telah menyertai program ini.

Secara keseluruhan, para pelajar sedikit sebanyak dapat mengetahui mengenai peranan muzium, mempelajari sesuatu pengetahuan, pengalaman dan aktiviti yang baharu serta merasai keseronokan dalam pembelajaran menerusi muzium melalui penganjuran program seumpama ini.

Pendaftaran pelajar bermula

Ceramah Program Kenali Muzium 2019

Aktiviti hands-on terrarium

Hasil kreativiti terrarium para pelajar

Sesi refleksi dan rumusan

Penyampaian cenderahati oleh pihak sekolah kepada Kurator Muzium Diraja

Program Pendidikan Kenali Budaya Anak Nogori di Dataran Muzium Negara pada 20-21 April 2019

Pertandingan Bowling anjuran WARIS pada 24 Mac 2019

Mesyuarat Persatuan Muzium Malaysia pada 9 April 2019

Ceramah Israk Mikraj pada 8 April 2019

Lawatan Puspanita ke Kraftangan pada 1 Mac 2019

Lawatan Permaisuri Agong pada 8 April 2019

Perasmian Alat-alat Muzik Tradisional Malaysia pada 11 April 2019

Kursus Penyelidikan pada 26-27 Mac 2019

Bicara@ Muzium Kepentingan 'Upcycle'
Dhes Alam Flora & Kloth Cares pada 15 Januari 2019

Pelancaran Program Upcycle Creation
di Muzium Tekstil Negara pada 15 Januari 2019

PROGRAM SEMPENA TAHUN BARU CINA DI MUZIUM NEGARA 2019

Oleh : Fadzliatun binti Azmi, Muzium Negara

Sempena sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini, Muzium Negara sekali lagi mengadakan beberapa aktiviti menarik kepada pengunjung. Program ini berlangsung selama 4 hari iaitu pada 5&6 Februari dan 9&10 Februari 2019 bertempat di Dewan Tengah, Muzium Negara. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan seni budaya masyarakat Cina kepada orang tempatan dan luar negara.

Terdapat beberapa aktiviti yang menyentuh seni kebudayaan masyarakat Cina yang diadakan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya ialah aktiviti pembuatan kraf tanglung dan gendang. Tanglung merupakan salah satu elemen kebudayaan masyarakat Cina yang banyak digunakan sebagai perhiasan yang membawa maksud tersirat seperti mengalu-alukan kedatangan tetamu, menghebahkan berita gembira, kematian dan juga sebagai amaran bahaya. Gendang pula merupakan salah satu alat muzik tradisional yang masih digunakan sehingga kini dalam persembahan kebudayaan masyarakat Cina. Sepanjang program ini berlangsung, pengunjung berpeluang menghasilkan sendiri kedua-dua seni kraf ini.

Selain itu juga bagi memeriahkan lagi program sambutan perayaan ini, aktiviti lain seperti pembuatan kraf seni gunting Cina, aktiviti mewarna dan lembaran kerja juga turut diadakan. Lembaran kerja yang disediakan kepada pengunjung merupakan set helaian kertas yang mengandungi fakta dan info tentang perayaan Tahun Baru Cina yang disambut oleh masyarakat Cina di seluruh dunia dalam bentuk aktiviti kuiz dan teka-teki.

Program ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada pengunjung tempatan dan luar negara yang tidak melepaskan peluang dalam menyertai ke semua aktiviti yang dijalankan. Kebanjiran pengunjung daripada pelbagai peringkat umur memeriahkan lagi program ini.

Penganjuran program sebegini sejajar dengan peranan Muzium Negara sebagai salah satu institusi tidak formal dengan menyediakan pelbagai aktiviti interaktif yang bersesuaian dengan tema sambutan perayaan. Di samping, dapat memupuk perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

PROGRAM KEMBARA SEJARAH PULAU LABUAN 2019

Oleh : Nurlina Hamza @ Michael, Muzium Chimney

Aktiviti lawatan berpandu ke Menara Chimney

Lawatan berpandu ke Historical Square Muzium Labuan

Persembahan Bamukun Kedayan Labuan

Peserta dan urusetia program merakamkan gambar beramai-ramai

Peserta diberikan penerangan tentang Sejarah Rumah Bumbung 12

Program Kembara Sejarah Pulau Labuan 2019 telah berlangsung pada 13 April 2019. Program anjuran Muzium Chimney yang berkonsepkan *"Heritage & Culture Trail"* ini telah menerima penyertaan yang amat menggalakkan daripada orang ramai terutamanya penggiat industri pelancongan di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 80 orang peserta sasaran terdiri daripada petugas barisan hadapan jabatan kerajaan, agensi perhotelan, Persatuan Pemandu Pelancong Labuan dan beberapa pengunjung luar telah berpeluang mengikuti aktiviti eksplorasi dan merasai pengalaman melihat bukti-bukti *in-situ* tapak-tapak bersejarah dan kebudayaan masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar hasil jalinan kolaborasi bersama pelbagai pihak antaranya Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya WP Labuan, Jabatan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Perbadanan Labuan, Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia WP Labuan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja WP Labuan, Angkatan Pertahanan Awam WP Labuan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, *Palm Beach Resort & Spa* dan *Labuan Tourist Guide Association* (LTGA).

Pengisian program telah bermula seawal 7.00 pagi dengan ucapan alu-aluan dari Pengarah, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya WP Labuan, Encik Mohd Firdaus Zakaria diikuti taklimat ringkas program dan sejarah Menara Chimney yang disampaikan oleh Puan Nurlina Hamza, Ketua Muzium Chimney. Seterusnya aktiviti kembara ke tapak-tapak bersejarah di sekitar Labuan seperti Makam Sharif Kedah, *Historical Square* Muzium Labuan, *Ramsay Point*, Bumbung 12, Tugu Bhagat Singh, Pusara Peringatan Tentera Laut British dan Kubur Jepun yang terletak di Taman Botanikal Labuan. Selain aktiviti kembara ke tapak-tapak bersejarah, para peserta juga berpeluang mengikuti peraduan kuiz sejarah Labuan dan persembahan budaya Bamukun Kedayan Labuan, pameran serta jualan produk industri kecil dan sederhana (IKS) oleh pengusaha Homestay Sungai Labu, Homestay Bukit Kuda dan Homestay Kg Patau-Patau II.

Program diakhiri dengan majlis penutupan yang diadakan di Palm Beach Resort & Spa dengan kehadiran beberapa orang tetamu jemputan antaranya En Mahathir Abdul Hamid Pengarah JPKK Perbadanan Labuan, En Mohd Firdaus Zakaria, Pengarah MOTAC Labuan, En Chai Tze Khee, Pengarah Urusan Palm Beach Resort, En Zaid Shabirin wakil KWSP WP Labuan dan En Jerry Teo wakil LTGA. Kerjasama dan sokongan padu dari pelbagai pihak telah memberi impak dan gambaran yang sangat positif terhadap usaha untuk memartabatkan produk sejarah warisan dan budaya dalam industri pelancongan khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Justeru, hasil timbal balik dari penganjuran program ini selain mengukuhkan lagi peranan muzium sebagai gedung ilmu berkaitan sejarah warisan dan budaya ianya turut mewujudkan platform bagi meningkatkan kerjasama pintar bersama pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan mengenai peri pentingnya menghargai dan memelihara khazanah warisan dan budaya negara.

PROGRAM PAKAIAN ISTIADAT BATIK SARONG
DARI ISTANA KEPADA RAKYAT

Abdul Razak bin Kasim, Muzium Diraja

Batik merupakan kraftangan Melayu tradisional yang mempunyai keunikan tersendiri khususnya dari segi motif, teknik pembuatan serta nilai keindahan. Kesohoran batik dikagumi bukan sahaja dalam kalangan pencinta seni tempatan, malah turut mendapat perhatian luar di peringkat global. Umumnya, batik adalah bersifat utiliti di mana fungsi utama ialah sebagai busana yang menawan. Sebagai warisan seni yang kaya dengan sumber motif dan nilaian estetik, batik mampu mengangkat martabat budaya bangsa.

Orang Melayu sudah sekian lama mewarisi kemahiran membuat batik dan mempunyai rangkaian sejarahnya yang tersendiri. Perkembangan batik di rantau Melayu diketahui sejak abad ke-13 Masihi lagi, di mana batik dijadikan cenderamata oleh kerajaan Srivijaya kepada Maharaja China semasa Dinasti Sung yang memerintah antara tahun 960 Masihi hingga 1279 Masihi. Keadaan ini menjelaskan bahawa pertalian dan kedudukan batik sudah lama wujud dan sangat hampir dengan cara kehidupan masyarakat di rantau ini.

Mengambil kira betapa penting dan tingginya nilai seni yang mampu menjadi simbol keagungan sesuatu bangsa, pada 16 April 2019, Muzium Diraja telah mengadakan program yang bertajuk “Batik Sarong: Dari Istana Kepada Rakyat”. Bengkel yang membincangkan perkaitan batik sarong dengan golongan bangsawan, cara pemakaian serta teknik penghasilan batik secara asas kepada pelajar peringkat menengah. Seramai 34 orang pelajar telah mengikuti program sehari ini iaitu 10 pelajar dari SMK Seksyen 8 Kota Damansara, Petaling Jaya bersama 2 orang guru pengiring dan 24 orang pelajar dari SMK (P) Methodist Kuala Lumpur dengan seorang guru pengiring.

Pelajar bersama hasil kreativiti masing-masing

Melalui program ini, para pelajar telah didedahkan dengan taklimat sejarah batik sarong, demonstrasi pemakaian batik sarong selain aktiviti *hands on* yang mana pelajar diberi peluang untuk mewarna batik dengan gaya dan kreativiti masing-masing. Pemenang bagi mewarna batik ini telah menerima cenderamata daripada Kurator, Muzium Diraja. Sebagai aktiviti tambahan, pelajar telah dibawa untuk melawat Galeri Muzium Diraja dan diberi penerangan secara khusus mengenai sejarah bangunan Istana Negara Lama dan Raja-Raja yang pernah bersemayam di Istana Negara Lama. Secara asasnya, program sehari ini bukan sahaja telah berjaya menarik minat pelajar mengenali batik sarong lebih dekat lagi, malah mengetahui sejarah bangunan Istana Negara Lama itu sendiri. Keseluruhan pelajar memberi reaksi yang positif dan menyatakan keterujaan serta rasa gembira kerana turut terlibat dalam menjayakan program ini.

Aktiviti *hands on* mewarna batik

Taklimat Sejarah Batik Sarong

PAMERAN SEJARAH LEMBAH BUJANG SEMPENA PROGRAM SENI DAN BUDAYA : MENELUSURI SEJARAH KUALA MUDA

Oleh Nurul Azlida binti Ghozali, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Seni Budaya Negeri Kedah Darul Aman telah menganjurkan Program Seni dan Budaya: Menelusuri Sejarah Kuala Muda di UiTM Kedah pada 10 Mac 2019. Justeru itu bagi memantapkan pengisian program Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dijemput untuk menyediakan slot pameran khas tentang Sejarah Lembah Bujang sempena lawatan khas Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim, Tuanku Raja Muda Kedah dan Duli Yang teramat Mulia, Che Puan Muda Zaheeda, Raja Puan Muda Kedah.

Tujuan program adalah untuk mengembangkan lagi kekuatan dan keunikan sejarah yang terdapat di daerah Kuala Muda termasuk di Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Tapak Arkeologi Sungai Batu yang telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai peradaban tamadun tertua di Asia Tenggara. UNESCO juga mengiktiraf rizab biosfera Sungai Merbok yang berhampiran kerana ketinggian nilai khazanah alam semulajadi yang dimiliki oleh rizab hutan bakau berkenaan.

Acara kemuncak program adalah Tuanku Raja Muda Kedah dan isteri dibawa melawat ke tapak pameran di Dewan Perdana dan Galeri Seni Merbok, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Merbok bagi melihat pameran dan artifak sejarah yang dipamerkan oleh Muzium Arkeologi Lembah Bujang serta hasil karya pelajar dan pensyarah UiTM Kedah.

Adalah diharap program ini dapat mengetengahkan hasil karyawan seni kelahiran Kedah serta pengkarya yang berminat menghasilkan seni bertemakan keadaan alam semulajadi dan elemen sejarah yang terdapat di sekitar daerah Kuala Muda supaya dapat diangkat dan dibawa ke peringkat global.

Pendigitalan Koleksi Jabatan Muzium Malaysia di bawah Projek Asean Cultural Heritage Digital Archive (ACHDA) 2018

Laporan oleh: Siti Munirah Kasim, Muhammad Azam bin Adnan, Izma Syahida binti Muhammad Ashari, Nor Jawahir binti Raduian

"Preserving cultural archives and collections for future generations is an urgent issue for all countries around the world. Digitalising historical documents and works of art is one of the most effective means for preserving these valuable assets" -
Duta Kazuo Sunaga, Misi Jepun ke ASEAN.

Memetik kata-kata Duta Kazuo Sunaga tentang peri pentingnya memelihara dan memulihara artifak dalam bentuk digital dalam ucapan pelancaran Projek Arkib Digital Warisan Budaya ASEAN (ACHDA) Februari 2018 yang lalu. ACHDA merupakan projek warisan budaya ASEAN menerusi satu laman web serta membolehkan masyarakat mengakses koleksi muzium negara-negara ASEAN dengan lebih mudah. Portal dalam talian ini akan menyatukan koleksi digital pilihan warisan budaya termasuk artifak, dokumen lama dan lukisan dan akan menjadi projek pertama untuk satu portal bagi menyediakan akses kepada arkib digital ASEAN dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai warisan budaya yang kaya di ASEAN. Sehubungan itu, Malaysia sebagai salah sebuah rakan sekutu ASEAN dan Jabatan Muzium Malaysia sebagai pemegang utama khazanah negara tentunya memainkan peranan secara langsung dalam projek ini.

Projek ASEAN *Cultural Heritage Digital Archive* (ACHDA) melibatkan kerja-kerja pendigitalan *3D scanning* koleksi JMM telah dijalankan oleh pihak *NTT DATA* dan *K's Design Lab, Inc.* dari Tokyo, Jepun pada 4 hingga 9 Disember 2018 bertempat di studio JMM dan galeri-galeri muzium terpilih. Selain koleksi di bawah simpanan Bahagian Koleksi JMM, koleksi yang dipamerkan di muzium di bawah JMM juga terlibat antaranya, Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli dan Muzium Tekstil Negara. Bagi koleksi Jabatan Muzium Malaysia dan muzium di bawahnya, pihak NTT DATA dan K's Design Lab, Inc. telah memilih 28 artifak unik dan mengambarkan identiti sebenar Malaysia antaranya seperti, Okok dan Bangau, Makara, Celepa, Gelang Kaki (negeri Perak), Tepak Sireh Sultan Abdul Samad, Keris Semenanjung, jebak dan lain-lain koleksi.

Sebelum berlangsungnya penggambaran, beberapa mesyuarat penyelarasan dijalankan melibatkan Bahagian Pengurusan Koleksi JMM, Bahagian Pengurusan Konservasi, Unit Sumber Media dan muzium-muzium yang terlibat. Mesyuarat yang dijalankan bertujuan bagi memastikan proses kerja yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Pihak terlibat telah melakukan persiapan dengan teliti bermula daripada proses mengeluarkan koleksi dari galeri sehinggalah penempatan sementara di repositori sebelum penggambaran. Artifak yang dikeluarkan, dibalut menggunakan kertas bebas asid dan *bubble wrap* bagi memastikan artifak terpelihara semasa proses pemindahan, manakala, di repositori pula, Bahagian Pengurusan Konservasi membantu memastikan kondisi artifak berada dalam keadaan bersih dan baik. Manakala di galeri, koleksi yang dibawa keluar sementara diletakkan notis pengeluaran artifak sebagai makluman kepada pelawat.

Pada hari berlangsungnya aktiviti pendigitalan, beberapa staf dari setiap bahagian dan muzium telah ditempatkan di lokasi penggambaran bagi memastikan keselamatan artifak dan membantu krew NTT DATA dan *K's Design Lab, Inc.* mengalihkan artifak jika diperlukan bagi mendapatkan hasil penggambaran yang terbaik. Usai proses penggambaran, koleksi ditempatkan di repositori sementara waktu dan kemudiannya dibalut semula dengan cermat sebelum dibawa balik ke muzium masing-masing untuk ditempatkan semula di galeri muzium.

Projek ini berjaya mencapai okjektifnya dan pihak NTT DATA dan *K's Design Lab, Inc.* dari Tokyo berpuas hati dengan data penggambaran yang diperoleh. Mereka juga merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama semua pihak daripada pelbagai muzium, bahagian dan unit di Jabatan Muzium Malaysia.

Sebahagian staf JMM dan kru dan K's Design Lab, Inc. dari Tokyo bergambar kenangan ketika proses pendigitalan koleksi

Staf memastikan keselamatan artifak sepanjang berlangsungnya aktiviti pendigitalan koleksi

PESTA BUDAYA DAN MASAKAN WARISAN MINANGKABAU

Oleh: Ruhafizah binti Ab Ghani , Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta

Satu jalinan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia bersama Pertubuhan Jaringan Masyarakat Minangkabau Malaysia (JM3) dan Kampoeng Minangkabau telahpun berjaya merealisasikan Pesta Budaya Dan Masakan Warisan Minangkabau pada 27 hingga 28 April 2019 bertempat di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur. Telah dirasmikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim pada 28 April 2019, disaksikan oleh YBhg Datuk Kamarul Baharin Bin A Kasim Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bersama dengan tetamu kehormat lain serta 3000 orang tetamu berketurunan Minangkabau yang hadir dari beberapa buah negeri di Malaysia seperti Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Selangor.

Objektif program adalah bertujuan memperkenalkan warisan seni budaya dan masakan tradisi Minangkabau kepada para pengunjung supaya mereka dapat melihat secara lebih dekat keunikan adat dalam masyarakat Minangkabau yang menjadi sebahagian daripada warisan budaya masyarakat majmuk di Malaysia. Program ini telah bukan sahaja mendapat sambutan daripada kalangan masyarakat Melayu bahkan juga dari masyarakat India, Cina dan juga pelancong luar negara.

Tarian yang penuh dramatik dan penuh debaran. Itulah yang boleh digambarkan dengan tarian piring yang dipersembahkan oleh kumpulan penari dari Sagarak Art, Lembaga Institut Seni Indonesia Padang Panjang. Persembahan ini mendapat tepukan paling gemuruh daripada penonton yang ternyata terpesona dengan lengukkan penuh bertenaga oleh penari tarian tersebut. Persembahan khas dari Kintani, penyanyi tersohor Indonesia telah menghangatkan lagi program ini. Antara aktiviti lain yang dihidangkan kepada pengunjung selama dua (2) hari berlangsungnya Pesta Budaya Dan Masakan adalah persembahan seni budaya seperti Flash Mob: Gerakan 1000 Randai Dunia, Tari Rampak, persembahan busana Minangkabau, permainan KIM dan demonstrasi masakan seperti teh talua serta jualan makanan tradisional Minangkabau. Tidak ketinggalan juga aktiviti jualan buku-buku ilmiah turut juga dilaksanakan.

Pesta Budaya dan Masakan Warisan Minangkabau telah mencatat sejarah tersendiri, apabila ianya merupakan julung kali program yang melibatkan warisan kebudayaan Minangkabau diketengahkan kepada masyarakt umum di Malaysia. Program ini telah berjaya mencapai matlamat penganjurannya dan menyatukan budaya Nusantara dalam sebuah medium yang kreatif.

Memoir of Selangor Museum 1899-1945

Oleh: Khairil Jemangin dan Mohammed Ali bin A.M Hj. Mohaideen,
Muzium Alam Semula Jadi

Selangor Museum was founded in 1888 in Kuala Lumpur by a group of residents who were interested in natural history and ethnology. During the early days, the museum received a small grant from the Selangor Government and was housed in the old Government building in Weld's Hill. At the early 1900s, the colonial government proposed a new building for the museum and was ready for occupation in 1906. The Selangor Museum has been described as having a Flemish style architecture, with a Victorian style display and was specifically constructed as a museum with an European 'landscape' tradition. With the establishment of the Selangor Museum, L. Wray was appointed Director of Museums, Federated Malay States (F.M.S) in 1904. Administrative amalgamation of the Perak Museum and the Selangor Museum into the F.M.S Museums Department which led to the increased in specialisation; the former concentrated on the ethnology while the latter focused on zoology and botany.

In 1914, the museum was enlarged by the addition of the central hall and eastern wing. The Selangor Museum has always been devoted primarily to Malayan Zoology with particular emphasis on entomology. The entrance hall contains an exhibit of mammals, prominent among which is a cow elephant presented by Dr. W.H. Lucy, who shot it in his compound on the edge of the Public Gardens a mile away from the Museum. It has been mounted by Mr E. Seimund, Asistant Curator and Taxidermist, who used the skeleton as a framework. It is believed that this is the first instance in which such a piece of taxidermic work has been successfully undertaken in Asia. Another prominent collection was the head of the famous "Pinji" rhinoceros which was shot by Sir George W. Maxwell in the Pinji valley, Kinta in 1899. It was believed a 'keramat' animal imposibble to slaughter and had even killed three men on separate occasions. The old rhino was shot more than once, and finally killed on the third day not far from Pinji valley. The head of this famous beast was brought back to Selangor Museum as one of the their finest collections. The first gallery located in the older portion of the building, contains avian (birds) and reptiles. The avian collection has always been a strong feature of the Selangor Museum, from collection of sea birds, to hawks, eagles and woodpeckers, all of which are very complete and considered as rare specimens. Above the wall-cases were exhibited with antlers of deer, buffalo and some fine series of 'seladang' (Malayan Gaur) frontlets obtained by the late Captain Syers, later who was unfortunately killed by a 'seladang'. The back gallery which is adjacent to the first gallery, is intended for marine exhibits. While the hall and back gallery displays the ethnographical collections from Negeri Sembilan.

The Selangor Museum also contributed to the F.M.S Museums Department by publishing the "Journal of the Federated Malay States Museums" dating back from 1905 until 1941, which consists of frequently illustrated papers, on people, zoology, botany and geology aspects of the peninsula and neighbouring countries.

When the Japanese invaded Malaya in 1942 the insect collection and more valuable scientific books in the Selangor Museum were removed and sent to the Department of Agriculture, in anticipation of an air attack on the museum. Other collections, were left in the museum, there being no alternative place to store them. However in May 1942, a Dr. Tanakadate inspected the museum and the insects collections and books which had been taken to the Department of Agriculture were brought back to the museum. A number of more striking butterflies, particularly papilionidae, was sent to the Japanese Emperor for his private collection. In 10th March 1945 the Allied Forces misdirected bombs struck the museum. With the bombing of the museum the whole of the mammal section and most of birds and reptiles were lost, except for the entomological material which was stored in the office at the west end of the building. What was not destroyed was looted during the clearing of debris. The rest of the objects salvaged were sent to the Perak Museum in January 1946 for display. The surviving part of the library was also stored in the Perak Museum. In May, 1949, Dr. W. Linehan the Director of Museums removed his headquarters from Kuala Lumpur to the Perak Museum, Taiping. This change made it possible to devote more attention to the Perak Museum. The museum collector (Grade 1) continued to work with the Institute of Medical Research and provided services as a the taxidermist, and Selangor Museum was largely utilized for the work of the general reconditioning of collections in Perak Museum. From 1945 until 1952, there was no museum in Kuala Lumpur. In 1952 General Sir Gerald Templer ordered the construction of a small temporary museum on the site of the destroyed Selangor Museum. The building was only 60 feet long and 30 feet wide and would remain open for eight years until the permanent 'Muzium Negara' was established. Significantly, the museum was not named after the State (Selangor) nor the capital (Kuala Lumpur). Sir Gerald Templer named it 'Muzium Negara' / National Museum. In 1961, the temporary 'Muzium Negara' was demolished to make way for the construction of the current National Museum. The new Museum's was design by architect Ho Kok Hoe and was inspired by recognisably Malay architectural features.

The National Museum was officially opened on 31st August 1963 by Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullal, the 3rd Yang Di-Pertuan Agong. Its simply astounding to think that over a span of nearly 120 years, three museums have stood on that historic Jalan Damansara site.

KONSERVASI PESAWAT AVON SABRE TUDM F-86

Oleh : Awg Ku Mohd Fadli bin Awg Besar, Bahagian Pengurusan Koleksi
Muhamad Zaidi bin Roslan, Bahagian Pengurusan Konservasi

Pesawat pemintas Avon Sabre TUDM F-86 adalah di antara pertahanan barisan hadapan ruang udara negara pada suatu ketika dahulu. Sejarah bermula dengan penerimaan 10 buah pesawat Pemintas Avon Sabre hadiah daripada kerajaan Australia kepada Malaysia sebagai pelengkap kepada penubuhan No. 11 Skuadron di TUDM Butterworth pada 1 Oktober 1969. Enam orang anak tempatan telah terpilih untuk dilatih menerbangkan pesawat tersebut oleh Tentera Udara Diraja Australia. Mereka merupakan antara anak tempatan yang terawal dilatih mengendalikan pesawat pejuang. Selepas enam tahun menyumbang bakti, pesawat ini ditamatkan perkhidmatannya pada 31 Ogos 1975. Empat buah pesawat dihadiahkan kepada kerajaan Indonesia pada tahun 1976, dan bakinya diletakkan di beberapa tempat termasuk sebuah pesawat yang dipamerkan di Muzium Perak.

Sempena sambutan ulang tahun ke-135 tahun penubuhan Muzium Perak, Jabatan Muzium Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Konservasi dengan kerjasama Muzium Perak telah melaksanakan projek konservasi pesawat Avon Sabre TUDM F-86 yang telah berlangsung pada 16 November 2018 hingga 24 November 2018.

Proses awal perlaksanaan konservasi pesawat Avon Sabre TUDM F-86 dimulakan dengan kerja-kerja pendokumentasian dimensi fizikal pesawat merangkumi ukuran panjang dan tinggi pesawat, jenis dan tahap kerosakan pada permukaan pesawat, penilaian kondisi keseluruhan pesawat serta penganalisaan warna asal pesawat. Keseluruhan kerja-kerja dokumentasi ini turut direkodkan melalui kaedah mengambil gambar foto serta video bagi memudahkan rujukan pada masa akan datang. Selepas proses pendokumentasian dimensi fizikal pesawat selesai dilakukan, proses pembersihan badan pesawat serta kerja-kerja menggosok menggunakan mesin *Sander* (*Sanding*) pada permukaan pesawat serta sayap dilakukan. Proses ini bertujuan untuk menanggalkan kesan cat lama yang merekah dan juga cat yang terkopak. Selain itu, proses ini juga dapat menghilangkan kesan kulat dan lumut yang terdapat pada permukaaan pesawat.

Proses seterusnya ialah kerja-kerja menyembur cat primer ke permukaan pesawat. Tujuan utama cat primer adalah untuk memastikan cat warna yang disembur nanti akan melekat dengan baik pada permukaan pesawat. Selain daripada itu, cat primer merupakan lapisan pertama yang melindungi permukaan pesawat. Proses kerja mengecat (*base coat*) warna asal pesawat Avon Sabre TUDM F-86 dilakukan selepas selesai proses menyembur cat primer yang mana pada kebiasaannya warna cat (*base coat*) di sembur sebanyak tiga lapisan. Tujuan cat disembur sehingga tiga lapisan adalah untuk memastikan keseluruhan permukaan disaluti cat dan warna cat yang dikehendaki akan terserlah. Proses terakhir adalah menyembur *clear coat* iaitu lapisan terakhir yang mana berfungsi sebagai agen pelindung daripada kerosakan akibat faktor cuaca dan juga membantu menaikkan warna cat. Pada keseluruhannya, permukaan pesawat mendapat tiga lapisan perlindungan iaitu cat primer, cat warna (*base coat*), dan *clear coat*.

Kerja-kerja konservasi yang dilaksanakan merupakan komitmen Jabatan Muzium Malaysia dalam usahanya

untuk memelihara dan memulihara khazanah negara. Tidak dinafikan koleksi artifak terutamanya yang dipamerkan di luar galeri lebih terdedah kepada hakisan dan kerosakan akibat faktor-faktor luaran dan juga cuaca, tetapi pemantauan dan penjagaan yang sempurna dan berterusan yang telah dilaksana akan memastikan setiap koleksi artifak ini terus menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang.

Belasungkawa

AZMI BIN ISMAIL

1963 - 2019

AL-FATIHAH

Karnival Sukan PUSPANITA MOTAC 2019

Oleh : Sharipah Lok Lok binti Syed idrus, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pertandingan sukan Futsal, Bola Jaring dan Ping Pong yang disertai oleh PUSPANITA JMM pada Karnival Sukan MOTAC 2019

Karnival Sukan PUSPANITA MOTAC 2019, anjuran Biro Sukan PUSPANITA cawangan Kementerian Perlancongan Seni dan Budaya Malaysia telah berlangsung selama 4 hari iaitu pada 19 hingga 20 Januari 2019 dan 26 hingga 27 Januari 2019. Karnival ini melibatkan perlawanan antara jabatan dan agensi di bawah MOTAC. Kategori sukan *outdoor* yang dipertandingkan ialah Badminton, Netball, Ping Pong, Bowling dan Futsal. Bagi kategori sukan *indoor* yang dipertandingkan pula ialah Congkak dan Batu Seremban (tradisional) dan Karom. *Ladies Motac Treasures Hunt 2019* yang bertempat di Taman Botani, Tasik Perdana merupakan pertandingan berkumpulan yang terbuka kepada semua ahli PUSPANITA MOTAC bersama keluarga dan anak-anak.

Lokasi pertandingan adalah di sekitar Kuala Lumpur, iaitu *Wangsa Bowls*, Wangsa Walk (Bowling), UTC Pudu Sentral (Futsal), Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara (Netball) dan Perpustakaan Negara (Pingpong, Batu Seremban, Karom, Congkak dan Badminton). Sukan badminton telah mempertandingkan acara beregu wanita, Ping Pong regu wanita, Futsal berkumpulan wanita, Karom beregu campuran berkumpulan dan wanita, manakala congkak dan batu seremban adalah berkumpulan wanita. Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang setiap kategori adalah berbentuk medal, wang tunai, hamper dan cabutan bertuah.

Jabatan Muzium Malaysia telah menghantar penyertaan seramai 26 orang melibatkan sukan Badminton, Futsal, Bola Jaring, Ping Pong, Karom, Congkak, Batu Seremban dan *Tresure Hunt*. Antara agensi dan Jabatan yang turut menghantar penyertaan dalam jumlah yang besar dan merangkumi setiap kategori sukan ialah Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan MOTAC. Lain-lain agensi yang turut serta adalah dari Jabatan Warisan Negara, JKKN, Kraftangan, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, ASWARA dan Istana Budaya.

Penyertaan kontijen PUSPANITA JMM pada kejohanan kali ini, telah menyumbangkan tiga pingat emas, masing-masing dalam acara Batu Seremban wanita berpasukan, Congkak wanita berpasukan dan Karom berpasukan/ campuran. Pingat Perak pula diperolehi menerusi Ping Pong berpasukan. Sukan Futsal wanita berpasukan dan Karom kategori individu wanita masing-masing dengan sebutir pingat gangsa.

Kejayaan pasukan PUSPANITA JMM pada kali ini turut diraikan dengan penyampaian pingat oleh Ketua Pengarah Datuk Kamarul Baharin A. Kasim pada majlis perhimpuan bulanan Jabatan yang diadakan di Jabatan Muzium Malaysia pada 4 Feb 2019 seterusnya dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengerusi dan Timbalan Pengerusi PUSPANITA Jabatan Muzium Malaysia pada satu majlis makan tengahari kemudiannya.

Sebahagian aksi sukan *indoor* yang disertai oleh Kontijen PUSPANITA JMM pada Karnival Sukan MOTAC 2019

KAYUHAN "TEAM GEREQ" JMM DI PUTRAJAYA

Oleh: Mohd Nizam bin Othman, Muzium Alam Semula Jadi

Pada hari Jumaat bertarikh 22 Februari 2019 yang lalu, pasukan Team Gereq JMM (Jabatan Muzium Malaysia) telah menyertai satu aktiviti program kayuhan berbasikal anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sejajar dengan Sambutan Hari Antidadah kebangsaan ke-35 yang disambut pada 19 Februari setiap tahun, sesungguhnya adalah menjadi salah satu acara untuk mempromosikan sukan alternatif dan gaya amalan cara hidup sihat serta mewujudkan persekitaran bebas dadah bertujuan untuk memperingatkan masyarakat Malaysia akan peranan dan tanggungjawab berhadapan dengan ancam bahaya dadah kepada negara. Sebagaimana dalam memacu pembangunan negara, kerajaan tidak lupa untuk memastikan rakyat Malaysia terhindar dari pelbagai masalah sosial yang boleh membawa kepada kejatuhan moral seperti masalah penagihan dadah.

Justeru itu, Tema Hari Antidadah Tahun ini ialah **"Komuniti Kita Tanggungjawab Kita"** memberi makna yang cukup besar tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul secara bersama bagi memastikan komuniti tempat tinggal kita selamat dan bebas daripada permasalahan dadah. Masyarakat atau komuniti ialah kelompok manusia yang paling hampir di tempat tinggal kita. Segala perkara tentang diri, ahli keluarga, harta benda dan kerjaya terlebih dahulu diketahui oleh mereka. Oleh sebab itu, masyarakat ialah orang yang paling dekat untuk meminta pertolongan ketika ditimpa bencana atau musibah. Justeru itu, masyarakat tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab memerangi penyalahgunaan dadah hanya di bahu kerajaan semata-mata. Ini kerana pencegahan awal perlu dimulakan di peringkat masyarakat setempat untuk menggerakkan aktiviti kemasyarakatan yang berupaya menghindari berlakunya masalah dadah, sosial dan jenayah dalam masyarakat.

Program aktiviti kayuhan ini adalah di urus setia oleh kelab kebajikan dan sukan AADK yang juga telah dirasmikan pada hari tersebut oleh YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia serta CP Dato' Sri Zulkifli bin Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia. Upacara program dimulakan pada jam 8.30 malam dengan persembahan tarian Selamat Datang daripada Kumpulan Kebudayaan. Hampir 2 ribu jumlah peserta yang berdaftar untuk kayuhan ini. Pelepasan peserta kayuhan pada malam itu terbahagi kepada 2 kategori iaitu 10 km dan 33 km. Namun peserta Team Gereq JMM yang terdiri daripada 7 orang ahli iaitu En. Razaimi bin Hamat (ketua), En. Abdul Rahim bin Marzuki, En. Sabri bin Yahya, En. Zaidi bin Roslan, En. Azuan bin Zakaria, En. Zulkifli bin Abd. Rahman dan En. Mohd Nizam bin Othman telah mencabarkan diri untuk berkayuh jarak jauh iaitu 33 kilometer dan akhirnya telah berjaya menamatkan kayuhan di garisan penamat. Laluan kayuhan berbasikal adalah sekitar kawasan Putrajaya yang merangkumi jalan lebuhraya berbukit.

Team Gereq JMM akan meneruskan usaha aktiviti berbasikal pada peringkat Jabatan bagi menyertai program-program seumpamanya. Secara amnya, masih terbuka ruang dan peluang kepada semua warga JMM untuk turut bersama-sama berbasikal secara berkumpulan serta mempromosikan nama Jabatan Muzium Malaysia kepada masyarakat. Justeru itu, "JOM KAYUH UNTUK SIHAT".

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PEGAWAI & KAKITANGAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA TAHUN 2018

Sekalung Tahniah & Penghargaan Daripada Ketua Pengarah & Warga JMM

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

ROSIDAH BINTI ABDULLAH
Kurator S44
Bhgn. Pameran & Pengembangan

FADHLIATUN BINTI AZMI
Kurator S41
Muzium Negara

MUHAMAD FAIZ BIN AZIZAN
Kurator S41
Bhgn. Peng. Konservasi

NOOR HANIZAM BIN MOHAMMED @ MOHAMED
Peg. Tek. Maklumat F44 (M)
Unit Teknologi Maklumat

MOHD.SAIFUL RIZAM BIN MAT DALI
Jurutera J41
Unit Pembangunan & Pengurusan Harta

KUMPULAN PELAKSANA (B)

ROSISWANDY BIN MOHD SALLEH
Pen. Kurator S32 (TBK 1)
Muzium Adat

ABRYZA BINTI ABDULLAH
Pen. Kurator S32 (TBK 1)
Unit Perolehan

MOHD RIDHUAN BIN AKHIRUDDIN
Pen. Kurator S32 (TBK 1)
Muzium Alam Semula Jadi

AWG KU MOHD FADLI BIN AG BESAR
Pen. Kurator S29
Bhgn. Peng. Koleksi

AZILA BINTI ROHANI @ ROSANI
Pen. Kurator S29
Muzium Tekstil Negara

ZAINASZIRA BINTI ZAINUDDIN
Pen. Kurator S29
Bhgn. Komunikasi Korporat

EKMALHAKEEM BIN RIDZUAN
Pen. Peg. Keselamatan KP29
Muzium Tekstil Negara

KUMPULAN PELAKSANA (C)

HARTINI A/P ANJANG
Pem. Muzium S22
Muzium Seni Kraf Orang Asli

KADIR BASHAH BIN A.M HAJA MOHAIDEEN
Pem. Muzium S22 (TBK 1)
Muzium Lukut

ZAMZARINA BINTI KHALID
Pem. Muzium S22 (TBK 1)
Muzium Kota Kuala Kedah

MUHAMMAD RIZAL BIN HAJI PATA
Pem. Muzium S22 (TBK 1)
Bhgn. Pameran & Pengembangan

HAMIDI BIN MOHD SHUKOR
Jurufotografi B22 (KUP)
Unit Sumber Media

AIDA ROSNA BT CHE SALLEH
Pem. Pustakawan S22 (TBK 1)
Muzium Perak

KALSOM BINTI ABDUL MANAF
Pem. Muzium S19
Unit Dasar & Perancangan Strategik

WAHIDAYU BINTI A WAHAB
Pem. Muzium S19
Muzium Sungai Lembing

AFFENDI BIN TAWAKKAL
Pem. Muzium S19
Muzium Marin

EDWIN ANAK ESING
Pem. Pustakawan S19
Unit Perpustakaan

SITI NORAISHAHANA BINTI MAHYUDDIN
Pem. Tadbir (P/O) N19
Unit Kewangan

KUMPULAN PELAKSANA (D)

BRAHIM BIN MUSA
Peng. Keselamatan KP14
Unit Keselamatan

RUSIDAH BINTI YAAKUB
Peng. Keselamatan KP14 (TBK 1)
Unit Keselamatan

NORHAYATI BINTI YOUNG MOHAMMED SHAH
Pem. Operasi N11
Unit Pentadbiran

AINON BINTI SANI
Pem. Operasi N11
Muzium Labuan

MD NASRI BIN NAPIAH
Pem. Operasi N11
Galeria Perdana

ROSMAN BIN SAMAD
Pem. Kenderaan H11
Unit Pentadbiran

NAZAMREMI BIN IBRAHIM
Pem. Kenderaan H11
Muzium Seni Bina Melaka

Perpaduan Dicapai Satu Wawasan

Oleh: Azlina Binti Ariffin

Teratak usang tinggalan pusaka moyangku,
Mengimbau kembali kenangan bayangan semalam,
Mengingatkan daku detik-detik waktu dan masa berlalu yang ditinggalkan,
Tidak ternilai untuk dihitung,

Teringat daku sejarah lampau,
Tanahairku tercinta dijajah,
Perjuangan bangsaku mempertahankan negara,
Meninggalkan kisah hitam lipatan dalam kenangan,
Memori luka ini tetap berdarah,

Kita.
Ditika itu ibarat kapal kertas diair tenang yang tiada tujunya,
Ke hulu kehilir berlalu berhenti menyelusuri ketepi,
Di bumi ini kaki kita berpijak kaku berdiri,
Kata terungkai madah diperjuangkan,
Naluri kecintaan di dalam sanubari satu rumpun, satu matlamat,satu wawasan,
Laungan 1 Malaysia dalam cengkaman,
Kerukunan hidup berbilang bangsa dan budaya,
Menyatukan kita di bawah payung kesatuan,
Semangat perpaduan dalam genggaman,
Sengketa dijauhkan hasad dihindarkan,
Rundingan dibina penyatu keakraban,

Kini,
Kita bersatu membangunkan negara,
Mengecapi sasaran wawasan negara,
Peneraju dibela pemimpin berkalibar,
Pemangkin kemajuan wacana fikiran bersatu berpimpin tangan,
Seiring bergerak meneraju pembangunan,
Memacu negara menuju kemakmuran,
Negaraku dibela penuh keluhuran,
Tiada gentar menghadapai cabaran,

Namun,
Sejarah dan titik hitam tidak akan berulang,
Masa dihitung tiada henti bersilih ganti,
Mencari arah dan tujuan di mana akhirnya,
Kepastian dicari harapan baru diharapkan,
Hari ini lebih baik dari hari semalam.
Dan luka itu pasti pasti terubat jua.

Puisi: Menyertai Pertandingan mengarang Puisi Anjuran Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2009

KEMUDAHAN & FASILITI YANG DITAWARKAN DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

IKLAN

Dewan Auditorium

Kemudahan & Fasiliti:

- Pentas & Lampu Pentas
- Skrin putih
- Rostrum
- LCD projektor
- PA System
- Bilik Persalinan wanita/lelaki
- Tandas lelaki/wanita

Waktu Penggunaan:

Isnin -Ahad
8.00 pg-6.00 ptg

Kesesuaian Penggunaan

- Forum/ Seminar
- Hari Graduasi
- Mini Konsert
- Persembahan Kebudayaan

*Segala kemudahan yang disediakan adalah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Unit Pembangunan & Pengurusan Harta
Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.

Tel:0322671000/ 0322671102
emel: ruhafizah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my

MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR

MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN

MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR

MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK

GALERIA PERDANA,
LANGKAWI

MUZIUM MATANG,
PERAK

MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH

MUZIUM SUNGAI LEMBING,
PAHANG

MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR

MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,
BANDAR HILIR, MELAKA

MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,
PERLIS

MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPANG

MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR

MUZIUM LABUAN,
LABUAN

MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR

MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR

MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603) 2282-6434 http://www.jmm.gov.my